



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI WARGA KPWKM TAHUN 2025
DAN PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BILANGAN 1/2026**

LOKASI/ TARIKH/ MASA

**THE GRAND BALLROOM, BORAOMBAK, @MARINA PUTRAJAYA
8 JANUARI 2026/ 10 PAGI**

Dikemas kini pada 7 Januari 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Selamat Tahun Baru 2026 kepada seluruh warga KPWKM. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini. Hari ini kita berhimpun bukan sahaja untuk menghargai kerja keras tahun lalu, tetapi untuk memperbaharui nilai dan semangat kita sebagai penjawat awam yang memikul amanah rakyat.

2. Dalam setiap keluarga, nilai yang menjadi asas adalah kasih sayang, tanggungjawab, dan sokongan yang tidak terhingga. Begitu juga dengan KPWKM. Kita bekerja sebagai satu keluarga yang besar—menjaga yang rapuh, mengangkat yang terpinggir, dan memastikan tidak ada sesiapa yang ketinggalan daripada sokongan negara.

3. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan selamat bertugas kepada Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying yang telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dengan pengalaman luas sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Kewangan, saya yakin kepakaran dan perspektif beliau akan memperkukuh usaha kita dalam meneruskan agenda pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat yang progresif, inklusif dan berteraskan rakyat.

4. Tahun 2025 telah menguji ketahanan dan kebijaksanaan kita, tetapi ia juga membuktikan satu perkara: KPWKM ialah kementerian yang bekerja dengan keikhlasan hati. Setiap dasar, setiap program dan setiap intervensi haruslah datang daripada nilai kemanusiaan yang kita pegang bersama.

5. Kita telah melakar banyak pencapaian yang membanggakan—daripada penganjuran enam program antarabangsa sempena Kepengerusian ASEAN 2025, sehinggalah pelancaran dasar-dasar penting seperti Dasar Wanita Negara, Dasar Kanak-Kanak Negara, Pelan Tindakan WPS, Pelan Tindakan Warga Emas, Care Strategic Framework dan pelbagai lagi usaha lain yang memberi impak terus kepada rakyat.

6. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Bahagian Pembangunan KPWKM serta jabatan dan agensi di bawah Kementerian atas komitmen dan dedikasi berterusan dalam memperkukuh prestasi perbelanjaan pembangunan (DE/Development Expenditure).

7. Melalui pelaksanaan **War Room** dan **Klinik MyProjek**, penyelarasan, pemantauan dan penyelesaian isu dapat dilaksanakan secara lebih berfokus dan berkesan. Hasilnya, prestasi perbelanjaan pembangunan Kementerian telah meningkat kepada 81.2 peratus berbanding peruntukan asal dan 97.62 peratus selepas sekatan. Prestasi ini bukan sekadar pencapaian angka, tetapi lambang amanah dan kecekapan dalam memastikan agenda pembangunan negara dilaksanakan dengan lancar.

8. Namun saya ingin tegaskan: pencapaian ini membawa perubahan nyata kepada rakyat. Ia menunjukkan bahawa lebih ramai wanita mendapat peluang untuk maju, warga emas menerima perlindungan yang sewajarnya, kanak-kanak berada dalam persekitaran yang lebih selamat, dan keluarga serta komuniti menjadi lebih stabil dan berdaya tahan. Inilah nilai sebenar kerja kita.

9. Memasuki tahun 2026, saya mahu kita melangkah dengan hala tuju yang lebih jelas. Sama seperti keluarga yang merancang masa depan, kita juga perlu menentukan apa yang ingin kita capai. Kita mesti memastikan setiap tindakan kita membawa perubahan yang dirasakan oleh kumpulan sasar.

10. **Keutamaan pertama ialah memastikan penyampaian kita benar-benar berimpak tinggi.** Kita perlu memastikan setiap program memberi kesan yang dapat dirasakan rakyat—dengan kehidupan yang lebih selamat, lebih bermaruah dan lebih sejahtera.

11. Keutamaan kedua ialah memperkuat perancangan berasaskan data dan bukti. Kita perlu berfikir strategik, menggunakan penyelidikan, data, realiti lapangan dan maklum balas rakyat untuk memastikan setiap intervensi menepati keperluan sebenar.

12. **Ketiga, kita mesti terus mengukuhkan kerjasama strategik.** Cabaran sosial hari ini terlalu kompleks untuk ditangani oleh satu agensi sahaja. KPWK M mesti menjadi pemudah cara yang cekap—menghubungkan kerajaan, NGO, akademia, sektor swasta dan komuniti.

13. Saya ingin memberikan penekanan khusus kepada agenda besar tahun ini—**pemeriksaan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK)**. Penubuhan JPKK adalah titik perubahan negara. Ia bukan sekadar perubahan struktur, tetapi komitmen untuk memastikan setiap kanak-kanak Malaysia dilindungi, dibela dan diberi peluang membina masa depan yang lebih cerah.

14. Tiga fasa pembangunan JPKK telah pun berjalan, melibatkan aspek perundangan, sumber manusia, kewangan, *community empowerment*, latihan, teknologi digital dan pengukuhan Talian Kasih. Tahun 2026 ialah tahun pengasingan penuh JPKK sebagai agensi khusus di bawah KPWKM. Ini adalah langkah sejarah negara dalam perlindungan kanak-kanak.

15. Dalam keluarga besar KPWKM ini, setiap seorang daripada kita adalah pemimpin pada peringkat masing-masing. Kita membawa imej kementerian, dan kita membawa harapan rakyat. Oleh itu marilah kita memperkukuh budaya kerja yang berintegriti, cekap, berani berinovasi dan sentiasa responsif kepada keperluan rakyat.

Warga KPWKM yang dikasihi sekalian,

16. Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBrs. Puan Farah Adura Hamidi atas khidmat, kepimpinan dan komitmen beliau sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Beliau banyak membantu mengukuhkan pengurusan kementerian, dan budi bakti serta profesionalisme beliau akan sentiasa dihargai oleh kami di KPWKM.

17. Kita juga mengalu-alukan pengganti beliau, YBhg. Datin Safida Zalma, yang kita yakin akan meneruskan momentum kami ini.
18. Dalam masa yang sama, kita mendoakan yang terbaik untuk Puan Rozilah Katan yang akan berkhidmat di Kementerian Komunikasi dengan tanggungjawab baru. Terima kasih atas dedikasi dan sumbangan beliau kepada KPWKM sepanjang tempoh bersama kita.

19. Selepas majlis ini, kita akan mengadakan Taklimat Pencapaian 2025 & Perancangan 2026. Saya menantikan sesi itu kerana ia akan menjadi panduan kita—membimbing hala tuju, keutamaan dan strategi KPWKM bagi tahun ini.
20. Saya berharap semua warga kementerian bersama-sama menghayati semangat ini: **rakyat mesti sentiasa berada di hadapan, dan tujuan kita adalah untuk memastikan tiada sesiapa tercicir daripada akses bantuan, perlindungan dan peluang.**

21. Akhir kata, marilah kita memasuki tahun 2026 sebagai keluarga yang bekerja dengan hati. Dengan nilai yang kuat, semangat yang baharu dan komitmen bersama, saya yakin KPWKM akan terus menjadi peneraju dalam memperjuangkan kesejahteraan wanita, keluarga, kanak-kanak dan seluruh masyarakat Malaysia. Terima kasih, dan saya ucapkan selamat maju jaya kepada kita semua.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

8 Januari 2026